



## **GARIS PANDUAN BAGI PERJALANAN MASUK KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM MELALUI UDARA SEMASA FASA AWAL ENDEMIK**

(Dikemaskini pada 10 Mei 2022)

1. Dokumen ini menghuraikan **syarat-syarat sebelum berlepas dan selepas ketibaan bagi perjalanan masuk ke Negara Brunei Darussalam melalui udara semasa fasa awal endemik.**
2. **Syarat-syarat dan prosedur perjalanan masuk bagi individu yang lengkap divaksinasi dan individu yang belum divaksinasi** yang dihuraikan dalam dokumen ini adalah **berkuatkuasa pada 6 Mei 2022.**
3. Perjalanan masuk ke Negara Brunei Darussalam hanya dibenarkan bagi **individu yang telah melengkapkan dos vaksinasi COVID-19 (APENDIKS I)**. Walau bagaimanapun, rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam (tanpa mengira status vaksinasi) dibenarkan untuk kembali ke negara ini dan tidak diperlukan untuk menunjukkan surat pengecualian perubatan bagi vaksinasi COVID-19.
4. **Mana-mana warganegara asing yang akan tiba di Negara Brunei Darussalam pada 6 Mei 2022 dan seterusnya dibenarkan untuk membuat perjalanan masuk ke Negara Brunei Darussalam melalui udara tanpa kebenaran "Entry Travel Pass"**, tertakluk mereka telah memenuhi syarat-syarat perjalanan masuk sepertimana yang dinyatakan dalam garis panduan ini serta peraturan-peraturan lazim yang berkuatkuasa.
5. **Warganegara asing yang belum melengkapkan dos vaksinasi COVID-19 tidak dibenarkan** untuk membuat perjalanan masuk ke Negara Brunei Darussalam. Walau bagaimanapun, kemasukan ke Negara Brunei Darussalam boleh dipertimbangkan jika mempunyai sijil pengecualian perubatan bagi vaksinasi COVID-19 selaras dengan kontraindikasi vaksin COVID-19 Negara Brunei Darussalam.
6. **Mana-mana warganegara asing yang dipersyaratkan untuk mendapatkan Visa Kemasukan** untuk memasuki Negara Brunei Darussalam adalah dikehendaki untuk mendapatkan **Visa yang bersesuaian terlebih dahulu seperti Visa Bekerja, Visa Tanggungan, Visa Lawatan, Visa Lawatan Profesional dan Visa Bisnes** selaras dengan peraturan yang berkuatkuasa pada lazimnya.
7. Penumpang-penumpang adalah dibenarkan untuk membuat perjalanan "*transit/transfer*" melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei menuju ke negara destinasi. **Penumpang-penumpang "*transit/transfer*" berkenaan adalah dikehendaki untuk:**
  - (i). Lengkap divaksinasi;
  - (ii). Mendapatkan keputusan negatif bagi ujian RT-PCR yang dilaksanakan dalam tempoh 2 hari sebelum berlepas ATAU ujian ART yang dilaksanakan dalam tempoh 1 hari sebelum berlepas; dan
  - (iii). Mematuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh negara destinasi.

- **Bagi ketibaan di Negara Brunei Darussalam pada 6 Mei 2022 dan seterusnya**, individu bolehlah merujuk kepada syarat-syarat dan prosedur perjalanan yang dikemaskini sepertimana yang disenaraikan dalam **Seksyen 1-2**.
- **Individu-individu yang telah pulih dari COVID-19 (“COVID-19 Recovered Travellers”)** dan mempunyai bukti jangkitan tidak lebih dari 90 hari sebelum tarikh berlepas, individu bolehlah merujuk kepada syarat-syarat dan prosedur perjalanan yang disenaraikan dalam **Seksyen 3-4**.

## **SYARAT-SYARAT PERJALANAN MASUK BAGI INDIVIDU-INDIVIDU YANG LENGKAP DIVAKSINASI DAN BELUM LENGKAP DIVAKSINASI** (Tarikh Berkuatkuasa: 6 Mei 2022)

### **1. SYARAT-SYARAT SEBELUM BERLEPAS**

1.1. Sebelum berlepas ke Negara Brunei Darussalam, **KESEMUA individu** adalah dikehendaki untuk:

- (a) **Lengkap divaksinasi\*** iaitu individu telah melengkapkan regimen vaksinasi penuh (1 dos bagi jenama Johnson & Johnson vaksin, 2 dos bagi vaksin-vaksin jenama lain).

*\*Berkuatkuasa 1 November 2022, individu hanya dibenarkan untuk memasuki Negara Brunei Darussalam jika telah mendapatkan dos ke-dua vaksin COVID-19 tidak lebih dari 3 bulan sebelum tarikh berlepas atau telah mendapatkan dos penggalak.*

Nota: Individu yang belum lengkap divaksinasi atas sebab perubatan hendaklah mengemukakan sijil pengecualian perubatan bagi COVID-19 vaksinasi.

- (b) **Mendapatkan keputusan negatif bagi ujian RT-PCR yang dijalankan dalam tempoh 2 hari sebelum berlepas ke Negara Brunei Darussalam ATAU ujian ART bersijil yang dijalankan dalam tempoh 1 hari sebelum berlepas ke Negara Brunei Darussalam** di pusat kesihatan yang diiktiraf oleh Kerajaan negara berlepas.
- (c) Memuat turun **aplikasi BruHealth** dan membuat pendaftaran.
- (d) Melengkapkan **Borang Deklarasi Ketibaan E-Health (E-Health Arrival Declaration Form)** tidak melebihi 24 jam sebelum berlepas ke Negara Brunei Darussalam melalui: [www.pmo.gov.bn/travelportal](http://www.pmo.gov.bn/travelportal) atau [www.healthinfo.gov.bn/travel](http://www.healthinfo.gov.bn/travel)
- (e) Membuat **pembayaran bagi ujian COVID-19 yang akan dijalankan setelah tiba di Negara Brunei Darussalam (Appendiks II)** dan mendapatkan **resit pembayaran** daripada ‘Kerajaan Negara Brunei Darussalam’ atau ‘Kementerian Kesihatan’ yang menyatakan nama dan nombor passport individu. Pembayaran bolehlah dibuat secara dalam talian melalui Borang Deklarasi Ketibaan E-Health ([www.pmo.gov.bn/travelportal](http://www.pmo.gov.bn/travelportal) atau [www.healthinfo.gov.bn/travel](http://www.healthinfo.gov.bn/travel)).

Nota: Ujian COVID-19 yang dijalankan setelah ketibaan dan kos pembayaran disenaraikan dalam Appendix II.

- 1.2. **Warga perkhidmatan awam yang kembali ke Negara Brunei Darussalam setelah membuat perjalanan keluar negeri atas tujuan rasmi yang dibiayai oleh pihak Kerajaan dikecualikan dari diperlukan untuk membayar ujian COVID-19 yang akan dijalankan setelah ketibaan (Perenggan 1.1(e)).** Individu hendaklah menunjukkan dokumen sokongan yang sah yang menyatakan mereka membuat perjalanan rasmi yang dibiayai oleh pihak kerajaan.

- 1.3. **Warganegara asing yang akan memasuki Negara Brunei Darussalam bagi tujuan lawatan pendek** yang mana tempoh kelamaan berada di Negara Brunei Darussalam kurang daripada 90 hari adalah dikehendaki untuk mendapatkan **Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19 (perlindungan minimum BND\$50,000)** samaada daripada syarikat insuran yang berdaftar di Brunei Darussalam atau luar negara. Insuran berkenaan hendaklah sah bagi tempoh kelamaan berada di Negara Brunei Darussalam.

Nota: Individu-individu berikut adalah dikecualikan dari diperlukan untuk mendapatkan Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19:

- (a) Rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang akan kembali ke Negara Brunei Darussalam; dan
- (b) Warganegara asing yang akan memasuki Negara Brunei Darussalam atas tujuan bertugas, membuat pengajian atau sebagai tanggungan.

Walau bagaimanapun, warganegara asing yang memasuki Negara Brunei Darussalam atas tujuan bertugas, membuat pengajian atau sebagai tanggungan mesti mematuhi kesemua syarat-syarat selaras dengan syarat-syarat visa/pas imigresen.

- 1.4. Semasa membuat pendaftaran masuk (*check in*) di lapangan terbang, individu adalah dikehendaki untuk mengemukakan **KESEMUA dokumen-dokumen yang disenaraikan dalam Apendiks III (yang mana berkenaan)** kepada pihak syarikat penerbangan/immigresen.

## **2. PROSEDUR SELEPAS KETIBAAN**

### **2.1. INDIVIDU YANG LENGKAP DIVAKSINASI**

2.1.1. KESEMUA **individu yang lengkap divaksinasi** adalah dikehendaki untuk:

- (a) **Menjalani ujian ART pada Hari Ketibaan (Hari ke-1), Hari ke-2 dan Hari ke-3;** dan
- (b) Memuatnaik setiap keputusan ART ke dalam aplikasi BruHealth.

2.1.2. Individu yang diuji negatif pada ujian ART **tidak perlu** menjalani pengasingan diri setelah tiba di Negara Brunei Darussalam.

2.1.3. Individu yang memuatnaikkan keputusan ujian ART negatif akan **diberikan “Day Pass” bagi Hari berkenaan melalui aplikasi BruHealth** masing-masing yang membolehkan mereka memasuki mana-mana premis di negara ini.

2.1.4. Jika individu disahkan positif COVID-19, mereka adalah dikehendaki untuk menjalani pengasingan diri dengan mematuhi protokol kesihatan yang sedia ada.

### **2.2. INDIVIDU YANG BELUM LENGKAP DIVAKSINASI**

2.2.1. KESEMUA **individu-individu yang belum lengkap divaksinasi** adalah dikehendaki untuk:

- (a) **Menjalani ujian ART pada Hari Ketibaan (Hari Ke-1)** dan memuatnaik keputusan ART ke dalam aplikasi BruHealth.
- (b) Menjalani **pengasingan diri mandatori di tempat penginapan yang bersesuaian (rumah kediaman atau hotel penginapan).**
- (c) Membuat perjalanan ke tempat penginapan yang diisytiharkan dengan serta merta dan tidak meninggalkan tempat penginapan kecuali bagi **menjalani ujian RT-PCR di**

**pusat swab yang diiktiraf oleh Kerajaan Negara Brunei Darussalam (Apendiks IV) pada Hari ke-3 setelah sampai di negara ini** (Hari ketibaan adalah Hari ke-1).

- (d) Membuat perjalanan ke tempat penginapan atau pusat swab dengan menggunakan **pengangkutan yang disediakan oleh pihak hotel atau pengangkutan persendirian**. Individu tidak dibenarkan untuk menggunakan pengangkutan awam sebelum menamatkan tempoh pengasingan diri.
- (e) Berada di dalam tempat penginapan bagi menjalani pengasingan diri mandatori sehingga individu **menerima keputusan ujian RT-PCR negatif yang telah dijalankan pada Hari ke-3 setelah sampai di negara ini**.

*Nota: Individu bolehlah menjalani ujian RT-PCR pada Hari ke-3 di pusat kesihatan atau klinik kesihatan swasta yang memberikan perkhidmatan ujian RT-PCR seperti yang disenaraikan dalam Apendiks IV.*

- 2.2.2. Jika individu belum mempunyai nombor Bru-HIMS (*Brunei Darussalam Healthcare Information and Management System*) yang mana diperlukan untuk menjalani ujian RT-PCR setelah ketibaan di Negara Brunei Darussalam, pendaftaran bagi Bru-HIMS bolehlah dibuat oleh fokal atau penaja ("sponsor") bagi pihak individu tersebut di Klinik Kesihatan Kerajaan ataupun Hospital Kerajaan di Negara Brunei Darussalam.
- 2.2.3. Jika individu disahkan positif COVID-19, mereka adalah dikehendaki untuk menjalani pengasingan diri dengan mematuhi protokol kesihatan yang sedia ada.

### **SYARAT-SYARAT PERJALANAN MASUK BAGI INDIVIDU-INDIVIDU YANG TELAH PULIH DARI COVID-19**

#### **3. SYARAT-SYARAT SEBELUM BERLEPAS**

- 3.1. **Individu-individu yang telah pulih dari COVID-19 ("COVID-19 Recovered Travellers")** dan mempunyai bukti jangkitan yang mana tarikh diuji COVID-19 positif tidak lebih dari 90 hari sebelum tarikh berlepas adalah **dikecualikan dari diperlukan untuk menjalani ujian RT-PCR atau ART sebelum berlepas (perenggan 1.1(b))**. Walau bagaimanapun, mereka dikehendaki untuk mematuhi syarat-syarat sebelum berlepas yang lain sepertimana yang diuraikan dalam **perenggan 1.1**.
- 3.2. Individu-individu yang telah pulih dari COVID-19 ("*COVID-19 Recovered Travellers*") hendaklah menunjukkan bukti jangkitan yang sah seperti **Sijil Kesembuhan COVID-19, Laporan Makmal atau Laporan Perubatan dari Hospital atau Doktor**.
- 3.3. Semasa membuat pendaftaran masuk (*check in*) di lapangan terbang, **individu-individu yang telah pulih dari COVID-19** adalah dikehendaki untuk mengemukakan **KESEMUA dokumen-dokumen yang disenaraikan dalam Apendiks III (yang mana berkenaan) kepada pihak syarikat penerbangan/immigresen**.

#### **4. SYARAT-SYARAT SETELAH KETIBAAN**

- 4.1. **Individu-individu yang telah pulih dari COVID-19 ("COVID-19 Recovered Travellers")** adalah:
  - (a) **Hanya dikehendaki untuk menjalani ujian ART pada Hari ketibaan (Hari Ke-1)** dan memuatnaik keputusan ART ke dalam aplikasi BruHealth; dan
  - (b) **Dikecualikan dari diperlukan untuk menjalani pengasingan diri mandatori** setelah tiba di Negara Brunei Darussalam.

**APENDIKS I**  
**INDIVIDU-INDIVIDU YANG LENGKAP DIVAKSINASI**

- Individu yang telah mendapatkan vaksin COVID-19 yang dibenarkan di bawah 'WHO Emergency EU Listing';
- Individu mempunyai sijil bukti vaksinasi yang dikeluarkan oleh autoriti kesihatan yang diiktiraf (sebolehnya sijil digital) atau Sijil Antarabangsa Vaksinasi WHO / *WHO International Certificate of Vaccination* (Buku kuning). Individu yang telah mendapatkan vaksinasi di Negara Brunei Darussalam dikehendaki menunjukkan pengesahan melalui aplikasi BruHealth.
- Individu telah melengkapkan regimen vaksinasi penuh (1 dos bagi jenama Johnson & Johnson vaksin, 2 dos bagi vaksin-vaksin jenama lain).
- Individu-individu dibawah umur 18 tahun yang membuat perjalanan bersama-sama sekumpulan orang dewasa yang telah mendapatkan vaksin yang lengkap akan mengikut protokol "Vaccinated Traveler Protocols".

\*Individu-individu yang belum mendapatkan vaksinasi COVID-19 yang lengkap adalah individu-individu yang tidak memenuhi syarat-syarat yang disenaraikan dalam Apendiks I.

**APENDIKS II**  
**UJIAN COVID-19 YANG DIJALANKAN SETELAH KETIBAAN DAN KOS PEMBAYARAN**

BIL.	INDIVIDU	UJIAN COVID-19 YANG DIJALANKAN SETELAH KETIBAAN (Hari Ke-1 adalah Hari Ketibaan)	KOS PEMBAYARAN*
1	Individu yang lengkap divaksinasi	Ujian ART pada Hari ke-1, Hari ke-2 & Hari ke-3	BND\$40.00
2	Individu yang belum lengkap divaksinasi	Ujian ART pada Hari ke-1 & ujian RT-PCR pada Hari ke-3	BND\$100.00
3	Individu-Individu yang telah pulih dari COVID-19	Ujian ART pada Hari ke-1 sahaja	BND\$20.00

\*Pembayaran bolehlah dibuat secara dalam talian dalam Borang Deklarasi Ketibaan E-Health melalui [www.pmo.gov.bn/travelportal](http://www.pmo.gov.bn/travelportal) atau [www.healthinfo.gov.bn/travel](http://www.healthinfo.gov.bn/travel)

**APPENDIKS III**  
**DOKUMEN-DOKUMEN YANG DIPERLUKAN BAGI PERJALANAN MASUK KE**  
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

BIL.	DOKUMEN	DIPERLUKAN BAGI:	PENGECCUALIAN
1	Rekod vaksinasi yang menunjukkan individu telah melengkapkan regimen vaksinasi penuh (1 dos bagi jenama Johnson & Johnson vaksin, 2 dos bagi vaksin-vaksin jenama lain).	Individu yang lengkap divaksinasi	-
2	Sijil pengecualian perubatan bagi vaksinasi COVID-19	Individu yang belum lengkap divaksinasi	Rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang belum lengkap divaksinasi
3	Pasport yang sah	KESEMUA Individu	-
4	Borang Deklarasi Ketibaan E-Health yang dilengkapi	KESEMUA Individu	-
5	Sijil keputusan negatif bagi ujian RT-PCR yang dijalankan dalam tempoh 2 hari sebelum berlepas ATAU ujian ART yang dijalankan dalam tempoh 1 hari sebelum berlepas	KESEMUA Individu	Individu-individu yang telah pulih dari COVID-19 adalah dikecualikan daripada mana-mana ujian COVID-19 sebelum berlepas (Ujian RT-PCR atau ART)
6	Sijil Kesembuhan COVID-19	Individu-individu yang telah pulih dari COVID-19	-
7	Resit pembayaran bagi ujian COVID-19 yang dijalankan setelah ketibaan	KESEMUA Individu	Warga perkhidmatan awam yang kembali ke Negara Brunei Darussalam setelah membuat perjalanan rasmi yang dibiayai oleh pihak Kerajaan
8	Sijil Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19 (Perlindungan minimum BND\$50,000)	Warganegara Asing yang membuat perjalanan bagi tujuan lawatan pendek	Individu-individu yang dikecualikan daripada syarat ini seperti yang dinyatakan dalam perenggan 1.3
9	Visa/Pas Immigresen yang sah	Warganegara asing yang memerlukan visa/pas immigren yang sah	-

**APENDIKS IV**  
**SENARAI KLINIK KESIHATAN ATAU KLINIK KESIHATAN SWASTA YANG MEMBERIKAN PERKHIDMATAN**  
**UJIAN SWAB RT-PCR BAGI INDIVIDU YANG AKAN KELUAR DARI / MASUK NEGARA BRUNEI**  
**DARUSSALAM**  
**&**  
**PUSAT-PUSAT ART YANG DIKTIRAF**

<p><b>Klinik Noor Rohaya (Perjanjian Sahaja)</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• No 1, Simpang 293, Jalan Pasir Berakas</li><li>• +673 2390282 / +673 8240282</li></ul> <p><b>Jerudong Park Medical Center (Perjanjian Sahaja)</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Jerudong Park Medical Center, Jerudong Park, BG3122</li><li>• +673 2611433</li></ul> <p><b>Panaga Health Center (Perjanjian Sahaja)</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Jalan Utara, Panaga, Seria KB2933</li><li>• +673 8876454</li></ul> <p><b>Klinik Dr Amir (Perjanjian Sahaja)</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• No 204, Ground Floor, Bangunan Mohammad Yussof, KM2, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, BA1712, Bandar Seri Begawan</li><li>• +673 2336801 / +673 2222500 / +673 3337850</li></ul>	<p><b>UNI Clinic (Perjanjian Sahaja)</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• No 5, Simpang 490, Jalan Muara, Kg Sg Hanching, BC2115</li><li>• +673 2335403 / +673 7325403</li></ul> <p><b>Lee Clinic and Dispensaries (Perjanjian Sahaja)</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• C-1, Abdul Razak Complex, Gadong Centrepoint</li><li>• +673 2428428 / +673 8128128</li></ul> <p><b>Yong Clinic &amp; Dispensary (Perjanjian Sahaja)</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• No 27, Ground Floor Muhibbah Complex II, Jalan Gadong, BE3919</li><li>• +673 2424301</li></ul> <p><b>Kare Medical Clinic (Perjanjian Sahaja)</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Ground Floor, Block D, Unit 1, Kiarong Complex, Lebuhraya Sultan Hassanal Bolkiah, Kiarong BE1318</li><li>• +673 2455021 / +673 7305973 (WhatsApp)</li></ul> <p><b>C.Y.Lim Clinic (Perjanjian Sahaja)</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Block J, No. 16 Ground Floor, Abdul Razak Complex Gadong, BE3519</li><li>• +673 2449488 / +673 8913468</li></ul>
--	---

**SENARAI PUSAT-PUSAT ART YANG DIKTIRAF BOLEH DIDAPATI MELALUI PAUTAN DI BAWAH:**

<https://www.moh.gov.bn/Shared%20Documents/2019%20ncov/Pusatpusat%20pesijilan%20ART%201%20December%202021.pdf>

## SENARAI SEMAK

PERJALANAN MASUK KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM				
	Individu yang lengkap divaksinasi	Individu belum lengkap divaksinasi	Individu-individu yang telah pulih dari COVID-19	Garis masa
<b>Rekod Vaksinasi</b>	Diperlukan	Sijil pengecualian perubatan bagi COVID-19 vaksinasi adalah diperlukan	Diperlukan	Melengkapkan regimen vaksinasi penuh (1 dos bagi jenama Johnson & Johnson vaksin, 2 dos bagi vaksin-vaksin jenama lain).
<b>Ujian RT-PCR ATAU ujian ART bersijil sebelum berlepas</b>	Diperlukan		Dikecualikan daripada mana-mana ujian COVID-19 sebelum berlepas (ujian RT-PCR atau ART)	Dalam tempoh 2 hari sebelum berlepas bagi ujian RT-PCR  ATAU  Dalam tempoh 1 hari sebelum berlepas bagi ujian ART
<b>Resit pembayaran bagi ujian COVID-19 setelah ketibaan</b>	Diperlukan*			Sebelum membuat perjalanan masuk ke Negara Brunei Darussalam
<b>Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19 (Perlindungan minimum BND\$50,000)</b>	Hanya diperlukan bagi warganegara asing yang akan memasuki Negara Brunei Darussalam atas tujuan lawatan pendek*.  <i>*Tempoh kelamaan berada di Negara Brunei Darussalam adalah kurang daripada 90 hari.</i>			Sebelum membuat perjalanan masuk ke Negara Brunei Darussalam
<b>Deklarasi Ketibaan E-Health (ADF)</b>	Diperlukan*			Dalam tempoh 24 jam sebelum berlepas ke Negara Brunei Darussalam
<b>Visa / Pas Imigresen</b>	Diperlukan bagi warga asing yang memerlukan visa / pas imigresen untuk memasuki Negara Brunei Darussalam			Sebelum membuat perjalanan masuk ke Negara Brunei Darussalam
<b>Warganegara asing <u>tidak lagi dikehendaki</u> untuk mendapatkan kebenaran "Entry Travel Pass" untuk memasuki Negara Brunei Darussalam mulai 6 Mei 2022.</b>				